



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

PROGRAM *POCKET TALKS* DAN PELANCARAN HARI PEKERJA PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2024

Tanggal 1 Mei setiap tahun merupakan tarikh yang amat sinonim dan bermakna bagi kesemua pekerja di Malaysia kerana ianya merupakan cuti khas bagi golongan pekerja. Tidak kiralah kita sebagai pekerja di sektor awam, sektor swasta mahupun bekerja sendiri. Ianya tetap menjadi faktor penyumbang kepada kemajuan negara.

Bersempena Sambutan Hari Pekerja Peringkat Kebangsaan Tahun 2024, KESUMA merancang untuk mengadakan empat (4) siri program *Pocket Talks* bermula pada 2 April 2024 sehingga 29 April 2024 di beberapa negeri seperti Putrajaya, Selangor, Pulau Pinang, dan Johor. Secara umumnya, program ini akan mengupas lebih lanjut tentang bagaimana konsep 3K ini akan memperkasakan pekerja Malaysia selaras dengan kerangka Malaysia Madani.

Objektif utama pelaksanaan Program *Pocket Talks* adalah untuk menyebarkan maklumat mengenai konsep Kebajikan, Kemahiran dan Keberhasilan Pekerja (3K), meningkatkan kesedaran warga pekerja mengenai usaha Kerajaan untuk membangunkan pekerja Malaysia selaras dengan konsep 3K dan meningkatkan kesedaran pekerja mengenai peranan majikan dan kesatuan sekerja ke arah pembangunan pekerja berteraskan konsep Malaysia MADANI.

Sasaran Peserta Program *Pocket Talks* terdiri daripada Majikan, Kesatuan Sekerja dan Penjawat Awam. Manakala barisan Panel Program *Pocket Talks* terdiri daripada Ahli Akademik, Kepimpinan Tertinggi Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF) dan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC)

Sambutan Hari Pekerja 2024 akan dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia yang akan dihadiri oleh lebih daripada 3,000 pekerja yang terdiri dari kesatuan, badan berkanun, sektor awam dan swasta di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

YAB Perdana Menteri Malaysia akan menyampaikan beberapa **Anugerah Hari Pekerja** pada perhimpunan tersebut sebagai usaha menghargai sumbangan pekerja kepada pembangunan negara. Pada tahun ini, 12 Anugerah akan dikurniakan kepada pekerja, majikan, kesatuan, media dan kontinjen. Selain menyampaikan anugerah, YAB Perdana Menteri juga akan melancarkan Kerangka Dasar Sumber Manusia 2030.

Beberapa aktiviti sempena Hari Pekerja turut dirancang seperti **4 Siri Pocket Talk, Larian Hari Pekerja, Perhimpunan Pengamal Keselamatan dan Kesihatan, Khutbah Jumaat, Forum Perdana dan Karnival Kerjaya yang menawarkan 10,000 peluang pekerjaan dan pameran jabatan dan agensi kerajaan**. Program-program ini anjurkan untuk memberi pendedahan kepada rakyat mengenai hak dan tanggungjawab pekerja dan majikan, peluang pekerjaan serta kursus kemahiran teknikal yang ditawarkan kepada anak-anak muda.

KESUMA secara rasminya mengumumkan **Tema Hari Pekerja Tahun 2024** ialah "**PEKERJA KESUMA BANGSA**" dan **Logo Hari Pekerja 2024** bertepatan dengan penjenamaan semula Kementerian Sumber Manusia kepada **KESUMA**.

Pemilihan tema ini adalah seiring dengan inisiatif Kerajaan melahirkan modal insan yang mempunyai ciri-ciri kebudayaan, nilai dan aspirasi yang sama disamping berkemampuan untuk berinovasi dan meneroka bidang-bidang baru yang merupakan faktor yang akan menentukan daya saing dan kemakmuran masa depan negara.

**MENTERI SUMBER MANUSIA
KUALA LUMPUR
2 APRIL 2024**

Program Sempena Sambutan Hari Pekerja 2024
2 April – 12 Mei 2024
Tema: Pekerja KESUMA Bangsa

SENARAI PROGRAM

BIL.	PROGRAM	TARIKH
1	ASEAN Green Job Forum (By Invitation)	24 & 25 April 2024
2	ASEAN Green Job Fair	25 - 27 April 2024
3	ASEAN Green Job Skill Fair	25 – 27 April 2024
4	Khutbah Jumaat @ Masjid Negara, Masjid Putra, Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin	26 April 2024
5	Larian Hari Pekerja	27 April 2024
6	Sambutan Hari Sedunia Bagi Keselamatan Dan Kesihatan Di Tempat Kerja 2024: The Impacts of Climate Change on Occupational Safety and Health	28 April 2024
7	Karnival Kerjaya	30 April, 1 Mei 2024
8	Sambutan Hari Pekerja Peringkat Kebangsaan	1 Mei 2024
9	Anugerah Hari Pekerja 2024	1 Mei 2024
10	Seminar Hala Tuju Kesatuan Sekerja 100 Tahun	2 & 3 Mei 2024
11	Forum Perdana Hal-Ehwal Islam	2 Mei 2024
12	Sambutan Tripartite Hari Pekerja Peringkat Negeri Sabah 2024	7 Mei 2024
13	Siri Program Pocket Talks anjuran JHEKS (Putrajaya, Shah Alam, Pulau Pinang, Johor)	2 April -29 April 2024
14	Siri Program Anjuran Bersama NGO, Kesatuan dan Media	2 April – 12 Mei 2024